



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

#### **KARNIVAL MSN ZON TIMUR CETUS FENOMENA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

---

**KUALA TERENGGANU, 19 JULAI 2026** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini dengan kerjasama Rakan MySains MOSTI iaitu Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) telah menganjurkan Karnival Minggu Sains Negara Zon Timur bermula pada 18 hingga 20 Julai 2026. Majlis peluncuran pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu bertempat di Auditorium PSKT.

Program MSN 2026 merupakan inisiatif utama Kerajaan bagi menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030. Antara objektif MSN adalah untuk membudayakan STI secara inklusif, memperkukuh bakat masa hadapan, memperkasakan ekosistem inovasi dan mengiktiraf sumbangan serta kejayaan dalam bidang sains.

Menurut YBhg. Dato' Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), MOSTI dalam ucapan aluan beliau, program pembudayaan STI yang dilaksanakan oleh MOSTI juga bertujuan untuk memupuk minat dan kecintaan golongan bakat muda terhadap bidang STEM sejak peringkat awal lagi. Usaha ini diharapkan dapat mengikis persepsi bahawa sains itu sukar, sekali gus membantu negara meningkatkan kadar penyertaan pelajar dalam aliran sains demi memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan.

Penganjuran karnival sains secara fizikal tersebut diadakan di lima (5) lokasi strategik seluruh negara (Utara, Selatan, Timur, Sabah, dan Sarawak) bermula Jun hingga

Oktober. Penganjuran MSN 2026 Zon Timur turut akan memperlihatkan kolaborasi erat antara MOSTI dengan Rakan MySains iaitu PSKT, industri-industri sekitar Kuala Terengganu, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan lain-lain lagi. Penganjuran kali ini juga mempromosikan satu elemen baharu iaitu advokasi nuklear yang memaparkan tentang teknologi nuklear dan manfaatnya kepada rakyat. MOSTI turut memperkenalkan Platform Sains Rakyat melalui [sainsrakyat.my](https://sainsrakyat.my) yang membolehkan orang awam menyumbang secara aktif kepada pengumpulan, pemerhatian dan analisis data saintifik negara.

Melalui Karnival Minggu Sains Negara 2026, MOSTI komited untuk meningkatkan pembudayaan dan literasi masyarakat terhadap kepentingan STI sebagai pemacu kesejahteraan dan kualiti hidup selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**19 JULAI 2026**